



Pada 6 Mei 2021 (Khamis), Perpustakaan UiTM Cawangan Pahang iaitu Perpustakaan Tun Abdul Razak Kampus Raub dan Perpustakaan Al-Bukhari Kampus Jengka telah menganjurkan program World #QuranHour berdurasi selama 1 jam dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) dan Pewani UiTM Pahang. Program ini dianjurkan bagi menyokong program World #QuranHour 1 jam bersama Al-Quran yang diadakan serentak diseluruh Malaysia serta selaras dengan SDG 4 (Quality Education) dan SDG 17 (Partnerships to Achieve the Goal).

Seramai 65 orang peserta yang hadir secara fizikal di Perpustakaan Al-Bukhari Kampus Jengka dan seramai 32 orang peserta yang turut serta secara maya iaitu terdiri daripada kalangan pelajar dan staf UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka dan Raub. Di samping itu, perkongsian khas diterima daripada Puan Siti Norma Aisyah bt Malkan@Molkan iaitu Pensyarah dan Koordinator ACIS di UiTM Cawangan Pahang Kampus Raub. Beliau berkongsi ringkasan serta kelebihan membaca Surah Al-Mulk sejajar dengan program World #QuranHour yang diadakan ini.



STAY CONNECTED
ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Pahang Kampus Raub

TADABBUR

surah **AL-MULK**
Keagungan Kerajaan Tuhan

Surah ke **67** 30 Ayat
Makkiyah At Tabarak

RINGKASAN SURAH

Allah S.W.T

Telah menegaskan dan mentakdirkan adanya hidup dan mati makhluk-makhluk ciptaan-Nya untuk menzahirkan dan menguji keadaan makhluknya, siapakah di antara nya yang lebih banyak dan baik amalnya.

Menjelaskan tentang kejadian seluruh alam yang diciptakan oleh Allah SWT yang tidak mempunyai sebarang cacat cela.

Mengambarkan rentetan peristiwa yang akan berlaku pada yaumul qiyamah dan balasan buruk yang sangat-sangat mengerutkan yang disediakan bagi orang-orang yang mungkar dan kafir.

KELEBIHAN MEMBACA SURAH AL-MULK

MENDAPAT KEAMPUNAN ALLAH S.W.T

Daripada Abu Hurairah r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Al-Quran mengandungi satu surah terdiri daripada tiga puluh ayat yang akan mensafatkan pembacanya sehingga dia dilampirkan iaitu Tabarakallahu biyadihi Mulk."
(Riwayat Abu Dawud, Ahmad, At-Tirmidzi, Riyadh As-Salihin oleh Imam Ahmad)

SUNNAH NABI S.A.W

Telah diriwayatkan oleh Jabir r.a bahawa sudah menjadi kebiasaan Rasulullah SAW tidak akan tidur selagi tidak membaca Tabarakallahu biyadihi Mulk dan Alim Lam Mim Sajdah.
(Surah As-Sajdah dan Surah Al-Mulk)

OLEH:
SITINORMA AISYAH BT MALKAN@MOLKAN
PENSYARAH & KOORDINATOR ACIS

PENGHALANG AZAB KUBUR

Abdullah bin Mas'ud berkata: "Barangsiapa membaca surah al-Mulk setiap malam, Allah SWT akan menghindarkannya dari seksa kubur dengan surah tersebut. Pada masa Nabi SAW kami memahaminya dengan al-Man'an (penghalang). Ia adalah surah dalam al-Quran yang jika dibaca setiap malam, maka pembacanya akan mendapatkan banyak kebaikan."
(HR Al-Nasa'i dengan sanad yang baik)

PEMBELA DI HARI AKHIRAT

Sabda Rasulullah S.A.W
"Ada surah dari Al-Quran, ia tidak terdiri kecuali hanya 30 ayat. Surah tersebut dapat membela pemiliknya (orang yang banyak membacanya) sehingga memasukkannya ke syurga iaitu, surah Tabarak".
(Hadis Riwayat Thabrani)

<https://pahang.library.uitm.edu.my>